

# personaliti

## Pernah dipulaukan akibat fitnah

**Kuala Lumpur:** Dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2016/2017, Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohamad Ameerul Ishak menempuhi pelbagai cabaran yang menuntut semangat tinggi untuk terus bertahan.

“Saya bersama barisan perwakilan perlu berkorban masa dengan keluarga dan rakan, selain dikecam, dicemuh, disindir, difitnah dan dikutuk melalui media sosial. Saya juga pernah dipulaukan akibat fitnah, namun kebenaran akhirnya berpihak pada diri ini.

“Bagaimanapun, saya sentiasa yakin bahawa keikhlasan berkhidmat akan membuktikan diri adalah pihak yang benar. Saya juga melihat segala yang dilalui sebagai proses mematangkan dan membantu persediaan menghadapi masa depan, terutama dalam kerjaya nanti,” katanya.

### profil

#### Mohamad Ameerul Ishak

- **Umur:** 23 tahun
- **Tarikh lahir:** 3 Februari 1994
- **Tempat lahir:** Johor Bahru, Johor
- **Kedudukan dalam keluarga:** Anak keempat daripada enam adik-beradik
- **Prinsip:** Jangan pernah penat membantu kebajikan pelajar walaupun dikecam, dan sentiasa bersikap positif dalam kepemimpinan



**Mohamad Ameerul (kanan)** menerima watikah pelantikan ahli MPP daripada Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris.